

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	22 September 2015



## PM saksi MoU persahabatan Melaka, Guangdong

Um - 22/9/2015

**PUTRAJAYA 21 Sept.** - Melaka dan wilayah Guangdong di China hari ini memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi pewujudan negeri dan wilayah persahabatan untuk terus memperkukuhkan hubungan kerjasama antara kedua-dua pihak.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron dan Gabenor Wilayah Guangdong, Zhu Xiaodan menandatangani MoU itu, dengan kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, yang menyaksikan majlis itu, selepas menerima kunjungan hormat Zhu dan delegasi beliau di pejabatnya di sini.

Antara bidang kerjasama di bawah memorandum itu adalah pembangunan tanah termasuk tebus guna tanah, pertanian, kesalinghubungan, perkongsian ilmu dalam perdagangan dan pelaburan, pelancongan, pembangunan taman perindustrian yang menggalakkan teknologi hijau serta mempermudah komunikasi antara pengamal dan institusi kebudayaan mis-

alnya muzium.

Dalam sidang media selepas itu, Idris berkata, pemeteraian MoU Persahabatan itu merupakan detik bersejarah bagi Melaka dan Malaysia bagi memperkukuhkan hubungan dua hala khususnya Melaka-Guangdong.

"Perdana Menteri mahu MoU ini tidak hanya bersifat 'ceremony' tetapi mahu pelan-pelan tindakan diambil bagi memberi wajah baharu kepada landskap ekonomi Melaka dan Malaysia," katanya.

Idris berkata, sebuah jawatankuasa kerja akan ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan bidang kerjasama yang dibincangkan agar menjadi kenyataan tidak lama lagi.

Katanya, ia antara lain melibatkan pembinaan Taman Perindustrian Maritim, Taman Perindustrian Guangdong-Melaka (pengeluaran barangan pengguna elektrik), pembinaan pelabuhan laut dalam di Melaka, pembinaan/penyediaan kawasan-kawasan guna tanah bagi tujuan perdagangan dan pernia-

gaan.

"Kita akan memulakan kerja-kerja setelah perjanjian di peringkat subseksyen ditandatangani termasuk dengan pihak swasta," katanya.

Pada Sabtu lepas, tujuh syarikat dan agensi kerajaan negeri Melaka menandatangani MoU bersama tujuh syarikat dari Guangdong dan disaksikan Zhu yang mengadakan lawatan ke Melaka.

Idris berkata, Najib dan Zhu juga mahu penerbangan langsung Melaka-Guangdong dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

Turut hadir dalam majlis hari ini ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Wee Ka Siong dan Duta Khas Perdana Menteri ke China, Tan Sri Ong Ka Ting.

Hadir sama, Setiausaha Agung wilayah Guangdong, Li Feng; Ketua Pengarah Pejabat Hal Ehwal Luar Guangdong, Fu Lang dan Duta China di Malaysia, Dr. Huang Huikang.

- BERNAMA